



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

KONSERVASI HARIMAU MALAYA DI TAMAN NEGERI ROYAL BELUM

Alhamdulillah, pada hari ini, saya berpeluang menghadiri majlis sambutan Hari Harimau Sedunia (*Global Tiger Day – GTD*) 2023 anjuran WWF-Malaysia dan Yayasan Maybank di Belum Rainforest Resort, Perak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah selaku Penaung WWF-Malaysia telah berkenan berangkat mencemar duli ke majlis ini. Majlis pada hari ini menyaksikan KDYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berkenan menyerahkan sijil kepada renjer dan sijil pengiktirafan *Conservation Assured Tiger Standards (CATS)* kepada Taman Negeri Royal Belum.

Saya amat bersukacita dengan sambutan GTD pada tahun ini kerana sokongan yang tinggi daripada Pihak Berkuasa Negeri dan pemegang taruh terhadap usaha pemuliharaan spesies Harimau Malaya yang diancam kepupusan. Ini termasuk langkah Kerajaan Negeri Pahang untuk mewartakan Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah bagi melindungi habitat Harimau Malaya.

Saya turut berbangga dengan pencapaian Renjer Menraq yang terdiri daripada Orang Asli Jahai yang telah meraih kejayaan di peringkat antarabangsa dengan memenangi Anugerah *International Union for Conservation of Nature (IUCN) World Commission on Protected Areas (WCPA)* 2023.

Di peringkat Persekutuan, inisiatif konservasi Harimau Malaya dipergiatkan melalui penubuhan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force-MyTTF*); melaksanakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*) yang pada tahun ini melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta dan pelantikan 1,500 orang Renjer Komuniti; mengukuhkan kerjasama strategik penguatkuasaan melalui Operasi Bersepadu Khazanah (OBK); menubuhkan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan melaksanakan program konservasi ex-situ di Pusat Konservasi Harimau Malaya (*Malayan Tiger Conservation Centre-MTCC*) di Pahang.

Usaha-usaha sebegini sangat bermakna dalam menyokong 9 tindakan luar biasa (*extraordinary actions*) bagi konservasi Harimau Malaya untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga 2030 yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

Saya juga berkesempatan untuk melihat sendiri aktiviti pemasangan *camera trap* dan rondaan SMART di Taman Negeri Royal Belum serta mengadakan sesi dialog dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam konservasi Harimau Malaya termasuk Yayasan Hasanah, Yayasan Sime Darby, WWF-Malaysia, Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) dan Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG). Sesi dialog ini bertujuan untuk meningkatkan sinergi dengan pihak swasta dan NGO dalam menjamin kelangsungan hidup Harimau Malaya.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak dan Pahang sewajarnya menjadi contoh kepada *Tiger Range States* (TRS) yang lain termasuk Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan dan Terengganu. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak swasta dan NGO yang telah membantu Kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti konservasi Harimau Malaya di lapangan.

Saya berharap usaha-usaha bagi memulihara dan melindungi Harimau Malaya akan terus dipertingkatkan supaya spesies yang menjadi simbol Jata Negara ini dapat dipertahankan untuk generasi masa kini dan masa depan.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

3 OGOS 2023